

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR
[PERMATANG PAUH]**

TARIKH : 3 NOVEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

**YB PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR [PERMATANG PAUH] minta
MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR menyatakan :-**

- (a) langkah persiapan menghadapi jerebu memandangkan pembatalan Akta Jerebu Rentas Sempadan; dan
- (b) rasional pembatalan akta ini atas alasan kerumitan penguatkuasaan. Berikan senarai kerumitan pelaksanaan serta tindakan alternatif atau diplomatik yang diambil.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Soalan (a):

1. Antara langkah yang dilaksanakan oleh Kementerian dalam menghadapi situasi jerebu adalah:

- (i) mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Jerebu dan Cuaca Kering Kebangsaan semasa cuaca panas dan kering dengan kekerapan dua kali setahun bagi memantau persediaan semua Kementerian / Jabatan dan Agensi terlibat dalam menangani pembakaran terbuka dan jerebu;
- (ii) mempertingkatkan penguatkuasaan ke atas kes pembakaran terbuka di kawasan tanah gambut, tapak pelupusan sampah dan lain-lain yang sering terbakar dengan mengadakan operasi bersepadu bersama jabatan dan agensi Kerajaan serta Pihak Berkuasa Tempatan;
- (iii) mengaktifkan Pelan Tindakan Pembakaran Terbuka Kebangsaan dan Pelan Tindakan Jerebu Kebangsaan bagi mencegah insiden pembakaran terbuka dan jerebu di dalam negara;
- (iv) bersiap siaga untuk melaksanakan operasi pemberian awan bagi mengurangkan kesan jerebu rentas sempadan (tertakluk kepada keadaan semasa awan);
- (v) Kementerian juga sedang dalam usaha memperkuuh hubungan diplomatik bersama Kerajaan Indonesia melalui kerjasama berkaitan alam sekitar khususnya melibatkan pencegahan

kebakaran tanah gambut, kaedah dan teknologi terkini yang diguna pakai; dan

- (vi) di peringkat ASEAN, Malaysia akan terus memainkan peranan untuk dan menyeru negara anggota terutamanya Indonesia untuk mematuhi obligasi di bawah *ASEAN Agreement on Transboundary Haze Pollution* bagi mencegah kejadian jerebu merentas sempadan yang berulang dan mengambil perhatian serius ke atas kesepakatan negara anggota bagi merealisasikan *Road Map on ASEAN Cooperation towards Transboundary Haze Pollution Control with Means of Implementation* yang merupakan kerangka ke arah visi ASEAN *Haze Free Region*.

Soalan (b):

2. Kementerian telah meneliti kewajaran penggubalan Rang Undang-Undang Pencemaran Alam Sekitar Merentas Sempadan dari pelbagai sudut merangkumi kebolehlaksanaan undang-undang yang akan digubal, hubungan diplomatik dan elemen pencegahan pencemaran alam sekitar. Kerajaan tidak akan meneruskan cadangan penggubalan Rang Undang-Undang Pencemaran Alam Sekitar Merentas Sempadan mengambil kira maklumbalas daripada pakar undang-undang berkenaan kesukaran mendapatkan maklumat yang diperlukan bagi tujuan pendakwaan.

3. Sekiranya RUU Pencemaran Alam Sekitar Merentas Sempadan ini dikuatkuasakan, bukti jelas bahawa punca jerebu merentas sempadan yang berlaku adalah berpunca dari negara jiran perlu disokong oleh data-data yang mencukupi seperti peta lokasi, koordinat, maklumat pemilik tanah dan syarikat yang beroperasi di lokasi kebakaran. Perkara ini melibatkan kerahsiaan, keselamatan dan kedaulatan negara punca jerebu. Selain itu, maklumat syarikat berkaitan Malaysia yang beroperasi di negara luar juga sukar diperoleh memandangkan ekuiti majoriti dipegang oleh rakyat tempatan di negara syarikat beroperasi.

NO SOALAN : 14

4. RUU Pencemaran Alam Sekitar Merentas Sempadan juga didapati tidak selari dengan prinsip ASEAN, di mana sekiranya terdapat sebarang pertikaian di kalangan negara ahli, perkara tersebut perlu ditangani secara rundingan (*amicably*). Pelaksanaan perkara ini boleh menjelaskan hubungan baik yang telah terjalin antara Malaysia dan Indonesia. Semua isu yang dihadapi sewajarnya ditangani secara rundingan bersama serta melalui platform di bawah AATHP (ASEAN Agreement on Transboundary Haze Pollution).
5. Pelbagai pendekatan boleh diambil kira untuk dilaksanakan bagi menangani pencemaran alam sekitar terutamanya isu jerebu merentas sempadan dan isu jerebu merentas sempadan tidak dapat diselesaikan hanya dengan penggubalan undang-undang semata-mata.
6. Pendekatan secara diplomasi dan rundingan adalah jalan yang lebih baik untuk menangani isu jerebu merentas sempadan secara kolektif. Dalam hal ini, Kerajaan akan melaksanakan pendekatan secara holistik melalui hubungan diplomatik yang erat dan kerjasama teknikal bagi memantapkan lagi keupayaan antara negara khususnya dalam bidang penyelidikan, teknologi berkaitan pengurusan tanah gambut serta operasi pemadaman kebakaran. Perkara ini juga adalah selaras dengan Artikel 16 – Kerjasama Teknikal dan Artikel 17 – Kajian Saintifik, Perjanjian ASEAN mengenai Jerebu Merentas Sempadan yang menekankan perkongsian kepakaran teknologi, teknik dan pengetahuan serta menyokong pelaksanaan penyelidikan saintifik dan teknikal berhubung pengurusan kebakaran tanah gambut dan hutan serta kaedah pemadaman kebakaran yang berkesan.
7. Selain itu, Kerajaan juga akan meneliti dan menambahbaik pelan komunikasi insiden jerebu merentas sempadan bagi memastikan penyampaian maklumat yang tepat, berkesan serta mengelakkan pertikaian yang mengeruhkan hubungan diplomatik Malaysia dengan negara jiran.

Sekian, terima kasih.